

12 APR 1999

Abdullah-Mahathir

DR MAHATHIR MUNGKIN KELUAR HOSPITAL TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Keadaan kesihatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad amat baik sejak beberapa hari lepas dan beliau mungkin dibenarkan keluar dari hospital tidak lama lagi, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Kesihatannya semakin baik dan beliau telah mula menjalani ekksesais," katanya kepada pemberita di Jabatan Perdana Menteri.

Sidang berita itu diadakan selepas beliau dikunjungi 40 anggota Jawatankuasa Perniagaan Amerika Syarikat-Malaysia. Mereka adalah anggota Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-Asean.

Abdullah berkata Dr Mahathir telah berjalan sekitar kawasan Institut Jantung Negara dan telah bersiar-siar sekeliling ibu kota dengan kereta semalam.

"Beliau mungkin dibenarkan keluar tidak lama lagi," katanya.

Dr Mahathir dimasukkan ke IJN kerana jangkitan paru-paru pada 2 April, dua hari selepas pulang daripada mengerjakan haji.

Pada 8 April, Pejabat Perdana Menteri telah membenarkan wartawan dan jurugambar Bernama dan RTM menemui Dr Mahathir diwadnya.

Pada pertemuan itu, RTM telah merakamkan ucapan terima kasih Perdana Menteri kepada semua pihak yang mendoakan beliau cepat sembuh.

Seorang anak Dr Mahathir, Mokhzani berkata bapanya bersiar-siar dengan kereta di sekitar ibu kota selama dua jam pada 6 petang semalam dengan ditemani Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Mokhzani, yang juga Penolong Bendahari Pergerakan Pemuda Umno, ditemui selepas menghadiri mesyuarat antara Penolong Setiausaha Pemuda Umno Zulkifli Alwi dan semua Setiausaha dan Setiausaha Kerja Pemuda Umno Negeri di sini hari ini.

Katanya, doktor memberikan kebenaran kepada Dr Mahathir untuk bersiar-siar.

"Kalau tidak begitu sihat sudah tentu doktor tidak akan beri kebenaran dan saya ucapkan terima kasih kepada semua orang yang berdoa untuk kesihatannya," katanya.

-- BERNAMA

GM RZS MAI